

15/11/1999

Taib Mahmud serah kepada PM

KOTA SAMARAHAN, Ahad - Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud menyerahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengumumkan sama ada beliau akan mempertahankan kerusi Parlimen Kota Samarahan, dalam pilihan raya umum kali ini.

"Saya tidak boleh menjawab, biarlah Perdana Menteri yang membuat pengumuman itu," katanya kepada pemberita selepas sesi pertemuan dengan pemimpin BN peringkat cawangan Kota Samarahan, di sini hari ini.

Sebelum ini, ada desas-desus Abdul Taib, yang menjadi Ahli Parlimen Kota Samarahan sejak 1970, mungkin bertanding di Parlimen Kuala Rajang atau Mukah.

Berucap di majlis itu, beliau berkata rakyat Sarawak perlu terus memilih Barisan Nasional (BN) bagi memastikan kerajaan dapat terus melaksanakan pembangunan untuk dinikmati rakyat secara keseluruhan.

Katanya, pemilihan tidak seharusnya dikhususkan kepada pemimpin atau calon peringkat negeri saja, malah untuk kepentingan kerajaan di peringkat Pusat.

"Ini dapat dilaksanakan dengan penduduk memastikan semua calon BN diperingkat negeri memenangi pilihan raya umum nanti.

"Pemilihan nanti bukan untuk pilih saya atau calon lain, tetapi pilihan yang dibuat hendaklah diberikan kepada pemerintah di Kuala Lumpur, bagi memastikan Dr Mahathir terus menjadi Perdana Menteri," katanya.

Abdul Taib yang juga Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), berkata hasil pembangunan yang diusahakan kerajaan membolehkan rakyat mengecap nikmat yang lebih besar daripada nilai wang ringgit.

Beliau berkata, perubahan yang berlaku di negeri ini tidak memerlukan reformasi, sebaliknya hendaklah diteruskan dengan memberi mandat kepada kerajaan sedia ada.

(END)